

BALADA PYANHABIB



231
A

BALADA PYANHABIB



TUN DR. MAHATHIR MOHAMAD

Assalam,
Tun Dr. Mahathir -
Mahathir
10 Sept 2014

BALADA PYANHABIB

PUSTAKA PERDANA



1010707



ITBM

Institut Terjemahan & Buku Malaysia
Kuala Lumpur
2012



PERDANA
LEADERSHIP
FOUNDATION
YAYASAN
KEPIMPINAN
PERDANA

#24925

Buku **BALADA PYANHABIB** ini diterbitkan oleh Institut Terjemahan & Buku Malaysia Berhad.

INSTITUT TERJEMAHAN & BUKU MALAYSIA BERHAD

(No. Syarikat 276206-D)
Wisma ITBM, No. 2, Jalan 2/27E
Seksyen 10, Wangsa Maju
53300 Kuala Lumpur
Malaysia

Tel.: 603-4149 7210 Faks: 603-4142 0753
E-mel: publishing@itbm.com.my Laman Web: www.itbm.com.my

Cetakan Pertama, April 2012
Cetakan Kedua, Mei 2012
Teks © Pyanhabib
Penerbitan © Institut Terjemahan & Buku Malaysia Berhad

Hak cipta terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluarkan mana-mana bahagian teks, ilustrasi dan isi kandungan buku ini dalam apa jua bentuk dan dengan apa jua cara, sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman atau cara lain kecuali dengan keizinan bertulis daripada Institut Terjemahan & Buku Malaysia Berhad (sebelum ini dikenali sebagai Institut Terjemahan Negara Malaysia Berhad), Wisma ITBM, No. 2, Jalan 2/27E, Seksyen 10, Wangsa Maju, 53300 Kuala Lumpur.

Perpustakaan Negara Malaysia

Data Pengkatalogan-dalam-Penerbitan

Pyanhabib

Balada pyanhabib / pengarang Pyanhabib
ISBN 978-983-068-896-1
1. Malay poetry--Collections. I. Judul.
899.231

Konsep & reka bentuk: Sinaganaga

Kesemua gambar adalah milik peribadi Pyanhabib kecuali: kartun di halaman 38 & 39 oleh Datuk Lat, kartun di halaman xiv oleh Don, gambar di halaman viii, 136, 144, 148, 152, 155, 159, 160, 163, 164, 167, 171, 176 & 178, kulit dan kulit belakang oleh Sinaganaga, gambar di halaman 156 oleh Nazmi Yaakub, gambar di halaman 58 & 86 oleh Utusan Melayu.

Dicetak di Malaysia oleh:
Percetakan Nasional Malaysia Berhad (PNMB)
Jalan Chan Sow Lin
50554 Kuala Lumpur







899.231
PYA




kandungan

suara	1	belukar	44
di bawah terik siang hari	2	surat cinta	47
senja	5	taman	48
catatan sebelum tidur i	6	mari kita bercinta	51
luka	9	perawan	52
ombak	10	permainan harimau	55
layar	13	... nah!	56
cacatan sebelum tidur ii	14	ketika matahari hampir terbenam	59
seloka	17	kopi o	60
payung	18	blues i	63
warung	21	ngilu	64
sayur bahasa	22	lengang	67
tentangmu	25	saraf luka	68
gua	26	dari dalam kamar	71
27 mei sebuah memori	29	lapar	72
memori	30	blues ii	75
dan tiba-tiba saja	33	puisi-puisi luka	76
sketsa hujung hari minggu	34	adalah dia	79
di taman-taman kubiarkan abadi	37	mereka penyair	80
salam	40	12:14 waktu pejabat	83
pengabdian	43	susila	84

puisi berahi	87	berahi abadi	149
catatan sebelum tidur iii	88	mukadimah mandeliar – pancing undi	150
semadi i	91	seharusnya aku menulis surat cinta	153
semadi ii	92	sang penyair	154
monolog seekor haiwan	95	ayah dan segenggam tanah	157
duka omaira	96	antara labu dan berangan	158
kota kenangan	99	kisah seorang gadis	161
guling	100	gadis dan burung	162
keberangkatan	103	di gurun pasir	165
apakku seorang YB	104	ceritanya tak <i>best!</i>	166
anarkali	107	catatan kecil seorang kuli tinta	169
<i>cheap sale</i>	108	apabila itu tandanya	170
penyair dan harga puisi	111	surat kepada tuan pee emm	172
kerdip	112	woo, <i>macha!</i>	177
hari lahir	115		
kerling	116		
doa	119		
kuku jari	120		
<i>midnight blues</i>	123		
syok yang	124		
hello Malaysia, apa khabar?	126		
bahtera Nuh	129		
wangi perempuan	130		
sebermula	133		
rahsia lekuk bumi	134		
bilah pilu	137		
sarafku	138		
rindu	141		
kalau ia	142		
direnung maut	145		
bilah-bilah dinihari	146		





Buku ini
saya dedikasikan
kepada 'didegua', Erin
dan anak-anak,
Najihah dan Ahmad Ashman Farabi.

Nota kecil Pyanhabib

1973: Saya bercita-cita menjadi penyair, bercita-cita menjadi orang yang menulis puisi. Ini cita-cita di usia 15 tahun saya, cita-cita zaman saya berkongsi bergilir-gilir membaca akhbar *Utusan Zaman* bertulisan jawi di kedai runcit di kampung, selain berebut helaian muka surat untuk membaca komik Tarzan dan Mandrake juga Nancy.

Tanpa 'sekolah dan buku' saya memasang niat, 'puisi karya sendiri disiarkan akhbar – walau hanya sebuah – untuk kepuasan seumur hidup'. Melihat-membaca puisi-puisi yang menempel dalam ruangan cerpen dalam akhbar bertulisan jawi itu mendorong saya bercita-cita menjadi penyair.

1975: Untuk menjadi penyair dan menulis puisi tidak semestinya datang ke Kuala Lumpur, tetapi saya telah datang ke Kuala Lumpur untuk menulis puisi dan menjadi penyair, hah ha! Dan, Anak Alam telah mengajar saya bagaimana menikmati hidup yang terbentang ini dan saya menikmatinya, sungguh.

Lebih nikmat apabila sebuah puisi pendek tanpa tajuk yang saya tulis pada tahun 1975 dan menaipnya menggunakan mesin taip Olivetti milik A. Latiff Mohidin di kamar Latiff di Anak Alam pada 1976, disiarkan oleh Usman Awang (SN, Datuk) dalam *Dewan Sastera* pada tahun 80-an.

2012: 'Salam *brother*, apa khabar? Saya ada hajat besar, mohon *brother* bagi koleksi sajak *brother*, ITBM terbitkan, boleh ya *brother*, please ... Boleh ya!' Saya dikejutkan mesej daripada Ketua Pegawai Eksekutif ITBM, Mohd. Khair Ngadiron, pada 26 Januari, pukul 21:21:02.

Ini adalah tahun ketiga Mohd. Khair meminta puisi-puisi saya untuk ITBM terbitkan. Saya berat hati, tetapi saya rasa terberhutang dengan beliau yang rupanya telah menjejaki saya sejak pembacaan puisi solo saya di Auditorium DBKL tahun 1989, sejak saya telahpun menerbitkan buku puisi secara *indie* dan ITNM (ITBM) belum lagi wujud.

'*Steady ya brother*, kongsilah rasa *brother* demi kemanusiaan, kita bagi Sinaganaga buat reka bentuk (dan tambah rezeki sikit-sikit) ... terima kasih *brother* atas kesudian mempertimbang idea ini. Ingat *brother*, satu manusia satu suara!' - Khair, 26 Januari 2012, pukul 21:57:55.

Selepas hampir sebulan menyelongkar semula helaian kertas sajak yang tersorok tersadai di sana sini, maka, inilah sebahagian sajak yang ditemui, dan inilah hasilnya.

Pyanhabib.

'... gaya dan suaranya adalah tersendiri dan tidak dibuat-buat. Pembacaannya adalah bersungguh-sungguh dan penuh khusyuk. Makna dari sajak-sajaknya mengalir bebas dan puas melalui getar-serak dan jerit-hiba serta rindu-pedih suaranya, melalui ekspresi wajah dan gerak tangan, kaki dan tubuhnya. Seluruh gerak dirinya sehati dengan makna dan digerakkan oleh naluri ekspresi diri sajak-sajaknya. Laungannya adalah laungan rindu, jeritannya adalah jerit berontak memecahkan sepi. Raungannya adalah raungan pedih yang terkumpul oleh pengalaman sekian tahun ...'

Dinsman, *Pyanhabib: raungan pilu memberontak Dewan Sastera, April 1979.*

'... tidak sebanyak sedikit perdebatan sekitar peranan deklamasi puisi berlegar sekitar cara pendeklamasian. A. Ghafar Ibrahim, Puzi Hadi dan Pyanhabib. Ada yang berpendapat bahawa mereka bertiga ini turut menggunakan berbagai unsur lain untuk mempersegar dan memperkuat deklamasi puisinya. Kerana ini, ada yang bertanya apakah cara mereka- yang terlalu teaterikal- itu wajar dipanggil deklamasi? Secara berjenaka, ada yang bertanya apakah cara mereka itu lebih tepat dipanggil 'jeritasi'-menjerit! Sementara perdebatan itu berlangsung-biasanya ini pun bermusim- beberapa unsur baru yang disusupkan mereka dalam pendeklamasian puisi mula diterima juga ...'

A. Samad Said, *Deklamasi, jeritasi atau apa si?, Penghibur, April, 1980.*

'... Pyan menggabungkan secara halus tiga unsur yang digunakan dalam persembahannya- puisi, cerita dan drama. Dengan gaya yang spontan, jalinan tiga unsur ini mencapai kesatuan dan kadang-kadang sukar hendak dibezakan sekiranya tidak betul-betul diamati.

'... gayanya yang spontan dan jujur, hubungannya yang langsung dan mesra, pengalaman yang dihayati dan dicanai dengan halus dari sudut pandangan tanpa dengar, diadunkan pula dengan gaya komedi dan sindiran yang tajam dan lembut, disampaikan melalui bakat, kebolehan dan disiplin teater yang baik, Pyanhabib telah meletakkan satu asa yang kuat untuk perkembangann satu bentuk teater baru di Malaysia yang boleh dipanggil Teater Tanpa Dengar ...'

Dinsman, *Teater Tanpa Dengar, Dewan Sastera, Mei 1982.*

... begitulah, Pyan menjeritkan suaranya yang tidak pernah didengarnya sendiri. Suara seorang penyair alam yang dimatangkan oleh pengalaman. Suara pedih, suara pilu seorang seniman yang kehilangan satu dari lima indera yang amat berharga. Tapi Pyan bukanlah seorang eskapis yang menjerit melulu sebagai suatu pelepasan perasaan. Pyan punya harga diri yang tersendiri. Pyan ada disiplin, ada maruah seniman yang tidak dipunyai oleh semua yang mengakui dirinya seniman. Pun Pyan tidak pernah mencanangkan dirinya sebagai seniman ...

Zakaria Ariffin, Raungan pilu Pyanhabib, Dewan Budaya, Mei 1982.

... Pyanhabib merakamkan segala pengalaman, kesepian dan kerinduan dan dorongan serta berontak jiwanya yang diluahkan dengan penuh kejujuran. Ternyata orang sepertinya memang merindui bunyi. Baginya suara itu adalah sesuatu yang ajaib. Dia tahu suara itu ada tetapi tidak dapat dinikmatinya. Lalu rasa kesepian yang ada ini menumbuhkan rasa kerinduan yang sangat mendalam-rindu terhadap suara ...

M. Hanafiah A. Samad, Bait-bait kerinduan pada suara dan bunyi, Berita Harian, 29 Januari 1983.

... Pyan muncul lagi dengan 'suara'nya yang terluka, dengan 'resah mengerang' pada 'gaung-gaung garang'. Pyan dengan 'asalkan bahagia' sesungguhnya merempuh hidup tidak sebahagia yang diucapkan. Sebagai seorang yang pernah 'mundar mandir di lorong-lorong usang-hanyir, yang 'tersungkur-mundur di warung-warung gelas anggur gelas anggur' tanpa dipedulikan, yang terus 'memanggil-manggil suara'nya yang 'seringkali terdesir dan menyelinap, ke penjuru ruang kamar pengap', dengan bunyi bacaan puisinya yang nampak gagah lantang tetapi terhiris ngeri, hingga menggoda kita merasakan bahawa Pyan sedang meniti di atas seutas derita yang payah ...

Abdulaziz HM, Pyan dengan suaranya, Dewan Sastera, Mac 1983.

Pyanhabib kawan saya

Pyanhabib ... sentiasa riuh jiwanya, sentiasa mendengar segala macam bunyi dari sekitar hidupnya; bunyi yang pekat dari rakaman hidup yang pelbagai, lalu naluri seninya mencairkan semua bunyi itu menjadi kata-kata. Pyanhabib melalui labirin hidup yang kompleks; unik dan penuh stamina – maka tidak hairanlah puisinya sangat dramatik, namun kesan ‘manusia’ dalam kecairan kata-katanyalah yang mengikat kita kepada Pyanhabib.

**Zainal Rashid Ahmad, Rumah PENA,
3 April 2012.**

Saya, Pyanhabib, dan roti canai *double*

Selepas tamat persekolahan, sekitar tahun 1984, hampir setiap hujung minggu, setelah penat belajar melukis di Angkatan Pelukis SeMalaysia (APS), saya akan ke Jalan Masjid India untuk tersandar lama di dinding bangunan; melihat kutu melukis, kutu main keroncong, dan kutu membaca sajak – termasuk Pyanhabib.

Saya dan dia tidak pernah bertegur sapa. Ada masa-masanya saya terfikir, ‘Esok-esok, bila dah besar sikit, saya nak jadi macam dia – jadi kutu!’ Kutu boleh buat apa sahaja. Tiada siapa kacau.’

...

Pada tahun 2005, buat pertama kalinya saya dan seorang kawan (Amir Mukhriz), bertemu dia secara bersemuka. Kami minta dia menulis kata pengantar untuk sebuah buku antologi sajak terbitan Sindiket Sol-Jah yang sedang kami usahakan secara mandiri. Setelah membaca beberapa buah sajak dari manuskrip berkenaan, dia bertanya, “*Pirate* mana yang tulis sajak ni?” Kemudian dia ketawa. Dan kami pun turut ketawa. Kendatipun begitu, dia bersetuju untuk menulis kata pengantar tersebut dalam satu dua para.

Sejak hari itu dia menjadi kawan saya. Jika ada masa terluang, dia akan SMS saya, ‘Naga, jom pekena roti canai *double!*’ Dan kami akan ke kedai Suberi di AU3 atau ke kedai mamak di Selangor Mansion untuk makan roti canai – seorang dua keping.

Di sepanjang pertemuan sambil makan-makan roti canai *double* itu, saya tidak berhenti-henti meminta agar dia menerbitkan kembali antologi sajaknya yang lama-lama. Macam-macam alasan dia beri, “Gua malas”, “gua bukan siapa-siapa”, “banyak sajak gua dah hilang... tak tahu mana gua letak”, dan yang terbaharu, “semua sajak gua yang lama-lama ada dalam cakera liut ni... cuba lu kasi buka tengok,” *The bad thing is* – cakera liut itu rosak!

Apabila Ketua Pegawai Eksekutif ITBM, Khair Ngadiron, mencadangkan penerbitan buku ini – saya ditugaskan untuk memujuk Pyanhabib sekali lagi. Akhirnya, selepas Khair Ngadiron belanja kami makan nasi beriani berlaukkan kambing; setelah pulang – dan dan tu juga dia mengumpulkan sajak-sajaknya semula, menaipnya semula, mengeditnya semula, dan pada masa yang sama saya mula mereka bentuk buku ini.

Ketika proses pra-penerbitan buku ini, adakala saya dan dia berkurung untuk menyiapkannya di Studio Anai-Anai (di belakang Rumah PENA) sehingga lewat malam. Adakala kami lapar, dahaga, panas, sejuk, demam, ditimpa hujan ribut dan KL banjir; bekalan elektrik terputus! Di dalam kegelapan malam itu, saya berkata kepadanya, “Bang, gua buat buku lu *best-best* punya ni... dengan sepenuh semangat kecutuan!” Dan dia kata, “Naga, jangan buat *best-best* sangat, nanti mahal... tak ramai orang boleh beli dan kalau dapat makan roti canai *double* masa-masa macam ni pun *best* juga!”

Sinaganaga, Studio Anai-Anai, 30 Mac 2012.

PYANHABIB

MULA HIDUP → 27-5-1958..

I.C. NO → TAKDE... BAKUM CUKUP UMUR..

JANTINA → ???

ALAMAT → BUDUK. KAT MANA SMPAT.

DATANG LA!!
FRG. Jc..

PANYAIR
TAK CUKUP
MAKAN..

TAPI
KALAU
NAK
SODOKAH
APA SALAH
NUZ...
KHA...KHA...
KHA..

SAJAK
TAK LAKU..

NAK IDUP
MEMANG
SENANG...
NAK SENANG
MEMANG SUSAH.
NAK SUSAH
LAGI SENANG

BUSUK..

APA NAK JADI... JADILAH.
ESOK TOKSAH FIKIR... ESOK TUHAN PUNYAA

1983, lakaran karikatur asal oleh kartunis don dalam simpanan pyanhahabib

suara

sepi berguling pada tebing bukit-bukit bening
pedih memilu
resah mengerang pada jurang gaung-gaung garang
pahit mengilu
hey
pernahkah engkau melihat aku mundur-mandir
di lorong-lorong usang hanyir
pernahkah engkau
hey
pernahkah engkau melihat aku tersungkur-mundur
di warung-warung gelas anggur
pernahkah engkau

adalah aku yang sering menggigil
sewaktu terasa suara-suara sepi memanggil
adalah aku yang sering menerajang
sewaktu terasa hari-hari begitu panjang

resah kubakar bagai bintang gugur ke bumi
ke bumi

seringkali terdesir dan menyelinap
ke penjuru ruang kamar pengap
siapakah yang datang mengetuk pintu itu
dan memanggil-manggil namaku
aku tidak pasti meskipun berkali-kali
engkau kususuri
suara

suara

suara

di manakah suara itu
ke manakah menghilang
sepi pun menurun
aku menjadi rindu
suara

suara

suara


akhir disember 1975
anak alam

di bawah terik siang hari

kota berdendang
lagu tulang
kering kuning
matahari
melengkung horizon
dengan tarian unggun
ke ubunmu
seperti
suatu rembang
sepasang
anjing tempang
tersengkang
seketul tulang
terlentang
di hujung padang
sebatang
pohon tumbang!

januari 1976
kotaraya





senja

senja
adalah duri
mencengkam
ke jari hari

senja
adalah jantung
merentap
ke pintu nadi

senja
adalah bayang
tersungkur
ke hujung kaki

senja adalah
gumpalan-gumpalan
ingatan
gumpalan-gumpalan
kepedihan

mei 1976
anak alam

pyanhabib yang
kadang menyelit,
kadang menyerangguh,
kadang menyelinap,
kadang menyelusup
di antara kita

SASTERA

ISBN 978-983-068-896-1



9 789830 688961


www.itbm.com.my

Sem. Malaysia
Sabah/Sarawak
RM25.00
RM30.00



ITBM

Institut Terjemahan & Buku Malaysia



PERDANA
LEADERSHIP
FOUNDATION
YAYASAN
KEPIMPINAN
PERDANA